



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; IBRAH WUKUF DI 'ARAFAH



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"IBRAH WUKUD DI 'ARAFAH".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا¹	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "IBRAH WUQUF DI 'ARAFAH".	6

¹ Al-Maidah: 3.



Antara perhimpunan terbesar umat Islam yang diadakan saban tahun ialah perhimpunan jemaah haji di padang 'Arafah pada tanggal 9 Zulhijjah, yang juga dikenali sebagai hari wukuf untuk menyempurnakan *manasik* haji mereka.

Hadis yang diriwayatkan daripada 'Abdul Rahman bin Ya'mar *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْحَجُّ عَرَفَةٌ

"Haji itu 'Arafah."

(*Riwayat al-Tirmizi*).

7

Para ulama menjelaskan bahawa hadis ini menunjukkan betapa agung dan besarnya kedudukan wukuf di 'Arafah. Ia bukan bermaksud haji hanya cukup dengan berwukuf di 'Arafah semata-mata, tetapi ia bermaksud bahawa wukuf di 'Arafah adalah satu rukun yang paling penting dan utama dalam ibadah haji sehingga haji seseorang dianggap tidak sah tanpa melaksanakan rukun ini.

8

Sempena ibadah wukuf di 'Arafah, marilah kita sama-sama menghayati beberapa ibrah di sebalik perhimpunan terbesar umat Islam ini. Antaranya, perhimpunan agung ini mengingatkan manusia kepada perhimpunan yang jauh lebih dahsyat di Padang Mahsyar kelak, saat manusia dihimpunkan di hadapan Allah SWT tanpa mengira pangkat, harta dan sebarang kebanggaan duniawi. Lantaran itu, jemaah haji yang datang berwukuf digalakkan supaya memperbanyakkan doa, zikir, istighfar dan taubat kepada Allah SWT. Pada masa yang sama, seluruh umat Islam yang tidak menunaikan haji juga disunatkan untuk berdoa

9



sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada 'Abdullah bin 'Amru *Radiallahuanhuma* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ الدُّعَاءِ دُعَاءُ يَوْمِ عَرَفَةَ، وَخَيْرُ مَا قُلْتُ أَنَا وَالنَّبِيُّونَ مِنْ قَبْلِي: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

10

"Sebaik-baik doa ialah doa hari 'Arafah, dan sebaik-baik ucapan yang aku dan para Nabi sebelumku ucapkan ialah: "Tiada Tuhan melainkan Allah yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kekuasaan dan bagi-Nya segala pujian, dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu."

(Riwayat at-Tirmizi).

11

Bagi yang tidak menunaikan haji juga disunatkan untuk berpuasa pada hari tersebut. Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Qatadah *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

صِيَامُ يَوْمِ عَرَفَةَ، إِنِّي أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ
وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ

12

"Puasa pada hari Arafah, aku berharap kepada Allah agar Dia menghapuskan dosa setahun sebelumnya dan setahun selepasnya."

(Riwayat al-Tirmizi).

13



Jelasnya, pada hari tersebut peluang meraih keampunan dan rahmat Allah SWT terbuka seluas-luasnya kepada sesiapa sahaja yang ingin merebutnya. Pada hari 'Arafah ini, doa-doa dimakbulkan, dosa-dosa diampunkan dan darjat ditinggikan bagi hamba-hamba Allah SWT yang soleh.	14
Sebagai kesinambungan amalan-amalan yang telah dilakukan bermula dari Ramadhan sehingga ke saat ini, bulan Zulhijjah khususnya hari 'Arafah adalah waktu terbaik untuk umat Islam bertaubat, bermuhasabah dan memperbaiki diri sebelum melangkah ke tahun baharu hijri. Oleh itu, ambillah peluang dan ruang yang ada ini khususnya bersempena hari 'Arafah, untuk menilai kembali amalan, memperbaiki kelemahan serta bertaubat, kembali kepada jalan kebenaran yang diredai Allah SWT.	15
Taubat yang sebenar adalah dengan menyesali dosa yang telah dilakukan, segera meninggalkan maksiat dan berazam untuk tidak mengulangnya lagi. Bagi dosa dan kesalahan melibatkan hak manusia lain, maka hendaklah dipulangkan hak tersebut atau memohon kemaafan.	16
Firman Allah SWT dalam Surah al-Nur ayat 31: وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.	17



<i>“Bertaubatlah kamu semua kepada Allah, wahai orang yang beriman, agar kamu berjaya!”</i>	18
Selain itu, muhasabah diri penting supaya seseorang sentiasa memperbaiki ibadah, akhlak dan hubungan sesama manusia. Dengan bermuhasabah, hati akan menjadi tenang dan minda akan sentiasa berwaspada daripada melakukan kesalahan, anggota badan akan menjadi semakin pantas melakukan amal kebajikan.	19
Hadis yang diriwayatkan daripada Syaddad bin Aus <i>Radiallahuanhu</i>, sabda Nabi SAW: الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا وَتَمَنَّى عَلَى اللَّهِ	20
<i>“Orang yang bijak adalah sesiapa yang menghitung amalannya (bermuhasabah) dan beramal untuk kehidupan selepas mati. Orang yang lemah pula adalah sesiapa yang mengikut hawa nafsunya, dalam masa yang sama mengharapkan (pengampunan) Allah SWT”</i> <i>(Riwayat al-Tirmizi).</i>	21



Tidak sepatutnya rasa rendah diri dan tunduk dengan penuh keinsafan ini hanya untuk mereka yang berwukuf di 'Arafah semata-mata. Sedangkan, sifat ini hakikatnya dituntut daripada setiap umat Islam pada sepanjang masa, bukan hanya terbatas pada waktu-waktu tertentu sahaja.	22
Jika di 'Arafah, semua manusia berkumpul tanpa mengenal pangkat, darjat mahupun keturunan, seumpama berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di hadapan Allah SWT. Begitu juga sebenarnya sifat yang dikehendaki ke atas setiap umat Islam tanpa ada sebarang perbezaan atau kemegahan duniawi yang perlu dibanggakan antara satu sama lain. Bukankah orang yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertakwa kepada-Nya?	23
<i>"Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah mencipta kamu daripada lelaki dan perempuan, kemudian Kami jadikan kamu pelbagai bangsa dan pelbagai suku agar kamu saling berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)! Sesungguhnya yang paling mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang yang bertakwa, (bukan yang lebih keturunan dan bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya."</i>	24



Jika di 'Arafah semua manusia boleh menerima untuk berkumpul bersama-sama tanpa mengenal pangkat, bangsa mahupun keturunan, begitu juga umat Islam dituntut untuk saling menerima dan berlapang dada dengan perbezaan pandangan antara mereka selama mana ia tidak menjejaskan asas akidah dan prinsip agama. Perbezaan dalam perkara kecil atau cabang memang sukar untuk dielakkan. Justeru itu, marilah kita belajar untuk lebih berhikmah dan beradab dalam menghadapi perbezaan yang berlaku antara kita.	25
Dalam realiti hidup yang menyaksikan banyaknya perbezaan fahaman ini, baik dalam politik atau pemikiran di kalangan umat Islam, sifat mulia ini sangatlah perlu diterapkan kepada kita semua. Dengan sifat ini, persefahaman akan dapat dijalin, persaudaraan dapat dipelihara dan semangat kerjasama demi kemaslahatan agama dapat diperkukuhkan. Sesungguhnya, inilah roh dan semangat 'Arafah yang amat diperlukan oleh kita pada hari ini.	26
Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan pedoman dalam hidup kita iaitu: 1. Umat Islam hendaklah merebut peluang menghidupkan amalan soleh pada hari 'Arafah, termasuklah sepuluh hari awal Zulhijjah secara umumnya kerana segala amal soleh yang dilakukan dalam tempoh ini sangat disukai oleh Allah SWT. 2. Umat Islam hendaklah mengambil peluang baki masa yang ada sebelum melangkah masuk tahun baru hijri, terutamanya pada hari 'Arafah, untuk bertaubat dan bermuhasabah terhadap segala amalan-amalan yang telah dilakukan selama ini. 3. Umat Islam hendaklah menghayati ibrah daripada ibadah wukuf ini untuk terus memelihara perpaduan dan menjauhi persengketaan, serta melipatgandakan usaha dalam membina kekuatan ummah yang diredai dan dirahmati oleh Allah SWT.	27



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ.	28
<i>"Katakanlah (wahai Muhammad), "Kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayang-Nya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya) kerana ia lebih baik daripada apa-apa yang dihipunkan oleh mereka (daripada segala benda dan perkara yang tidak kekal)".</i> (Surah Yunus: 58).	39
بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	30
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	31



KHUTBAH KEDUA

1	اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ اَنْزَلَ الشَّرِيْعَةَ هٰدِيًّۙ لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً، اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهٗ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهٗ وَرَسُوْلُهٗ.
2	. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.
3	اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ اَوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.
4	اِنَّ اللّٰهَ وَمَلٰٓئِكَتُهٗ يُصَلُّوْنَ عَلٰى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَیْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا. ²
5	اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ اٰجْمَعِيْنَ.
6	اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمٰتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنٰتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.
7	اللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاجْعَلْ هٰذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّظْمَنًا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

² Al-Ahzab: 56.



8	اللَّهُمَّ وَفِّقْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
10	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
11	وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْثُ كُوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
12	اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
13	Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat <i>Radiallahuamhum</i> , seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali..



Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	14
Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.	15
Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.	16
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.³	17
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁴	18
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	19